

Hakikat *Maqasid Al-Qur'an* Imam Al-Ghazali dan Perkembangan Perbahasan Berkenaan *Maqasid* Masa Kini

The Nature of Maqasid of the Qur'an of Imam Al-Ghazali and the Development of Discussion Regarding the Maqasid Today

SIDDIG AHMAD
WAN SUHAIMI WAN ABDULLAH

ABSTRAK

Salah satu tema perbahasan yang banyak dibincangkan dalam kesarjanaan ilmu dalam kalangan ilmuan Islam pada hari ini ialah berhubung konsep maqasid serta istilah yang berhubung dengannya iaitu maqasid al-Quran, maqasid al-syari'ah dan juga pendekatan tafsir yang dinamakan tafsir al-maqṣidi. Namun, penggunaan ketiga-tiga istilah tersebut saling bertukar dan sering bertindan antara satu sama lain. Tambahan pula, terdapat kecenderungan para ilmuan Islam masa kini yang melihat bahawa ketiga-tiga istilah tersebut menjurus kepada satu perbahasan yang sama iaitu maqasid al-syar'iyyah. Justeru, penulisan ini dibuat untuk mengangkat kembali faham maqasid al-Quran yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali, menyelusuri sejarah perkembangan penggunaan istilah maqasid al-Quran daripada awal penggunaannya iaitu bermula abad ke-10 sehingga ke hari ini serta skop pembahagiannya. Di akhir perbincangan ini, penulis akan mengemukakan analisis perbandingan skop pembahagian maqasid al-Quran yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dengan perbahasan maqasid al-Quran yang dikemukakan oleh para ulama' selepasnya dan analisis berhubung penggunaan istilah maqasid al-Quran. Kekeliruan berhubung dengan istilah tersebut diperjelaskan agar penggunaannya adalah benar dan menempati kedudukannya yang sebenar.

Kata kunci: *Maqasid al-Quran*, *Imam al-Ghazali*, *Maqasid al-Shari'ah*, *Tafsir al-Maqṣidi*, *Tafsir al-Mawdu'i*.

ABSTRACT

One of the themes of debate that is widely discussed in the scholarship of knowledge among Islamic scholars today is the concept of maqasid and terms related to it, namely maqasid al-Quran, maqasid al-syari'ah and also the tafsir approach called tafsir al-maqṣidi. However, the uses of the three terms are interchangeable and often overlap with each other. Furthermore, there is a tendency of contemporary Islamic scholars who see that the three terms lead to a common debate that is maqasid al-syar'iyyah. Thus, this writing is made to lift back the understanding of the maqasid al-Quran presented by Imam al-Ghazali, tracing the history of the development of the use of the term maqasid al-Quran from the beginning of its use from the 10th century to today and the scope of its division. At the end of this discussion, the author will present a comparative analysis of the scope of division of maqasid al-Quran presented by Imam al-Ghazali with the debate of maqasid al-Quran presented by subsequent scholars and analysis on the use of the term maqasid al-Quran. The confusion in relation to the term is clarified so that its usage is correct and occupies its true position.

Keywords: *Maqasid al-Quran*, *Imam al-Ghazali*, *Maqasid al-Shari'ah*, *Tafsir al-Maqṣidi*, *Tafsir al-Mawdu'i*

PENDAHULUAN

Istilah *maqasid al-Quran* yang diperkenalkan oleh Imam al-Ghazali hakikatnya adalah suatu pendekatan faham al-Quran yang bersifat menyeluruh (*kulli*) dan komprehensif. Yang dimaksudkan dengan bersifat *kulli* ialah suatu pendekatan faham al-Quran yang bukan sahaja menyentuh keseluruhan ayat dan surah al-Quran,

bahkan juga meliputi maknanya secara lahir dan batin. Yang dimaksudkan dengan bersifat komprehensif pula ialah suatu pendekatan faham al-Quran yang bukan sahaja memadukan antara elemen dalam ayat al-Quran yang bersifat tetap (*al-thawabit*) dan elemen dalam ayat al-Quran yang bersifat fleksibel (*al-mutaghayyirat*), bahkan juga sebagai penyingkapan kepada pelbagai faham asas dalam agama yang menjadi tunggak kepada

kebahagiaan dunia dan akhirat. Dalam artikel ini, penulis mengemukakan secara ringkas *maqasid al-Qur'an* dan pembahagiannya menurut Imam al-Ghazali. Kemudian penulis akan mengemukakan pembahagian *maqasid al-Qur'an* menurut para ulama' selepas Imam al-Ghazali yang dibahagikan kepada dua fasa iaitu bermula pada abad ke-10 hingga abad ke-18 dan bermula abad ke-19 hingga ke hari ini. Selepas itu, analisis perbandingan antara pembahagian *maqalid al-Qur'an* menurut Imam al-Ghazali dengan para ulama' selepasnya akan dikemukakan.

MAQASID AL-QURAN MENURUT IMAM AL-GHAZALI DAN PEMBAHAGIANNYA

Menurut Imam al-Ghazali, rahsia tertinggi, intipati yang termurni dan matlamat paling utama al-Quran ialah menyeru hamba kepada Yang Maha Memaksa lagi Maha Tinggi (*dakwah al-'ibad ila al-Jabbar*), Tuhan Hari Akhirat dan Dunia (*Rabb al-akhirah wa al-'ula*), yang menciptakan langit dan bumi iaitu Allah SWT (Jawahir al-Quran). Untuk mencapai matlamat tertinggi tersebut, menurut Imam al-Ghazali, seluruh surah dan ayat al-Quran berkisar kepada enam jenis (*anwa'*) yang dirujuk dalam penulisan ini sebagai *maqasid al-Quran al-sittah* iaitu matlamat al-Quran yang enam.

Secara ringkasnya, *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dibahagikan kepada dua iaitu bahagian asas utama (*al-ulul al-muhimmah*) dan bahagian pelengkap penyempurnaan. Bahagian asas utama mengandungi tiga pengenalan iaitu 1) pengenalan kepada Allah; 2) pengenalan Jalan Lurus dan 3) pengenalan tempat kembali. Bahagian pelengkap penyempurnaan juga mengandungi tiga pengenalan iaitu; 1) pengenalan golongan dikasihi dan golongan menyimpang; 2) perihal perkataan golongan kafir dan 3) pengenalan penshari'atan dan hukum-hakam. Keenam-enam *maqasid al-Quran* tersebut merujuk kepada matlamat al-Quran yang enam (*maqasid al-Quran al-sittah*).

Daripada matlamat al-Quran yang enam (*maqasid al-Quran al-sittah*) tersebut, Imam al-Ghazali membahagikan pula seluruh ayat dan surah al-Quran kepada pembahagian ayat al-Quran yang sepuluh iaitu; 1) perihal Zat Allah SWT (*dhikr al-Dhat*); 2) perihal Sifat Allah SWT (*dhikr al-Sifat*); 3) perihal Perbuatan Allah SWT (*dhikr al-Af'al*); 4) perihal tempat kembali; perihal jalan lurus (*dhikr sirat al-mustaqim*) iaitu dua aspek;

5) pembersihan jiwa (*al-tazkiyyah al-nafs*) dan 6) penghiasan hati; 7) perihal keadaan para wali Allah; 8) perihal hal ehwal musuh; 9) perihal kehujahan terhadap orang kafir dan 10) perihal batas-batas hukum (Jawahir al-Quran). Tujuan dikemukakan *al-aqsam al-'asharah* ini adalah untuk mengkategorikan setiap ayat dan surah al-Quran mengikut petunjuk (*isharat*) perihal yang terdapat di dalamnya. Dalam erti kata lain, tiada satu ayat dalam al-Quran melainkan ada padanya petunjuk kepada pembahagian ayat al-Quran yang sepuluh (*al-aqsam al-asharah*). Seterusnya, dikemukakan sejarah penggunaan istilah dan pembahagian *maqasid al-Quran* menurut para ulama' selepas Imam al-Ghazali.

SEJARAH PENGGUNAAN ISTILAH *MAQASID AL-QURAN*

Adapun penulisan yang membincangkan sejarah perkembangan istilah *maqasid al-Quran* daripada awal penggunaannya sehingga ke hari ini, ini dapat dikenal pasti melalui beberapa penulisan yang ditulis oleh para pengkaji seperti Tazul Islam dalam artikelnnya bertajuk "*Maqasid al-Qur'an: A Search for A Scholarly Definition*" (Bayan 2011: 189-207), "*The Concept of Maqasid al-Qur'an: Its Genesis and Developments*" (The 2nd Annual International Quranic Conference 2012: 9-24) dan "*The Genesis and Development of the Maqasid al-Qur'an*" penulisan oleh Abd al-Rahman dalam artikelnnya bertajuk "*Muqarabat Maqasid al-Qur'an: Dirasah Tarikhyyah*"; penulisan oleh Ulya Fikriyati dalam artikelnnya bertajuk "*Maqasid al-Quran: Genealogi dan Peta Perkembangannya dalam Khazanah Keislaman*." dan penulisan oleh Khalilah Nur 'Azmy dalam artikelnnya bertajuk "*Maqasid Al-Qur'an: Perspektif Ulama Klasik dan Modern*". Dalam artikel ini, penulis akan mengemukakan hasil dapatan kajian tersebut dan membahagikan sejarah perkembangan penggunaan istilah tersebut kepada dua fasa iaitu bermula abad ke-10 hingga abad ke-18 dan abad ke-19 hingga kini. Permulaan tempoh masa fasa pertama iaitu abad ke-10 dipilih kerana hasil dapatan penulisan berkenaan bersetuju bahawa tokoh ilmuan yang pertama sekali menggunakan istilah *maqasid al-Quran* ialah Imam al-Ghazali (w. 505H/ 1111M). Manakala tempoh masa fasa kedua iaitu abad ke-19 dipilih berdasarkan gerakan pembaharuan pemikiran Islam yang dipelopori oleh Muhammad Abduh (w. 1905M).

**ANALISIS PENGGUNAAN ISTILAH
MAQASID AL-QURAN FASA PERTAMA
(BERMULA ABAD KE-10 HINGGA ABAD
KE-18)**

Untuk menjadikan perbahasan ini lebih mudah untuk difahami, pengkaji mengkategorikan penggunaan istilah *maqasid* ini kepada dua kategori iaitu *maqasid* surah al-Quran (*maqasidd al-suwar*) dan *maqasid* al-Quran secara umum (*maqasid al-'ammah li al-Qur'an*) (Raysuni t.th). Adapun yang dimaksudkan dengan *maqasid al-suwar* ialah merujuk kepada pendekatan ulama' yang mengemukakan konsep *maqasid* berdasarkan surah dalam al-Quran. *Maqasid al-'ammah li al-*

Qur'an pula merujuk kepada pendekatan ulama' yang mengemukakan konsep *maqasid* dalam al-Quran secara umum. Tujuan pengkategorian konsep *maqasid* dalam al-Quran ini adalah untuk mengenalpasti perbahasan *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh setiap ulama' sebagai perbandingan dengan pembahagian *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali. Selain itu, pengkategorian tersebut juga untuk mengenalpasti surah al-Quran yang dijadikan sumber pendalilan bagi pembahagian *maqasid al-Quran* tersebut. Berikut dikemukakan jadual perbandingan dan analisa setiap kategori tersebut berdasarkan fasa yang pertama iaitu bermula abad ke-10 hingga abad ke-18.

JADUAL 1. Pembahagian *maqasid al-Qur'an* menurut para ulama' bermula abad ke-10 hingga abad ke-18

No.	Nama Tokoh	Nukilan Kenyataan Penggunaan Istilah <i>maqasid al-Qur'an</i> dan istilah yang seumpamanya	Pendekatan <i>maqasid</i> dalam al-Quran dan Matlamatnya
1	Abu Hamid al-Ghazali (w. 505H/1111M)	<p>في حصر مقصاد القرآن ونفائسه ورجوتها إلى ستة أقسام وأقول : سُرُّ القرآن، ولَبَابُه الاصفى، ومقصدُه الأقصى دعوة العباد إلى الجبار الأعلى، فلذلك أحصرت سُرُّ القرآن وأيَّاهُ في ستة أنواع : ثلاثة منها : هي السوابق والأصول المهمة، وثلاثة هي الْرَوَافِدُ والتَّابِعُونَ المُغَنِّيُونَ المَمَّةُ. أما الثلاثة الْمَهَمَّةُ فهي : تعريف المدعو إليه. وتعريف الصراط المستقيم الذي تجب ملازمته في السلوك إليه. وتعريف الحال عند الوصول إليه. وأما الثلاثة الْمُعْنَىَةُ الْمُعْنَىَةُ فأحدها: تعريف أحوال الْمُجَبِّينَ للدعوة ولطائف صنع الله بهم؛ وسُرُّه ومقصوده التشويق والترغيف، وتعريف أحوال التائبين والذالكين عن الإجابة وكيفية قم ع الله لهم وتنكري لهم؛ وسُرُّه ومقصوده الاعتبار والتبرهيب. ثانبيها: حكاية أحوال الجاحدين، وكُشْفُ فضائحهم وجهاتهم بالمجادلة والمحاججة على الحق، وسُرُّه ومقصوده في جنب الباطل إلقاء الحق والثني عنه، وفي حجب الإيضاح والتئني عن التأثير. وثالثتها: تعريف عمارة منازل الطريق، وكيفيةأخذ الزاد والأهبة والاستعداد</p>	<p><i>Maqasid</i> umum al-Quran</p> <p>Matlamat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan kepada Allah SWT. 2. Pengenalan kepada jalan yang lurus. 3. Pengenalan kepada tempat kembali. 4. Pengenalan kepada golongan yang dikenasi dan golongan yang ingkar. 5. Pengenalan kepada penghujahan terhadap golongan kafir. 6. Pengenalan kepada penshari'atan dan hukum-hakam.
2	Abu Muhammad al-Husayn Ibn Mas'ud al-Baghawi (w.510H/1116M)	<p>ثم سهل على الخلق مع اعجازه تلاوته ويسير على الآلسن قراءته، أمر فيه وزجر وبشر وأنذر وذكر المواتع لينتذير، وقص عن أحوال الماضين ليعتبر، وضرب فيه الأمثال لينتذير، ودل على آيات التوحيد لينتفكر، ولا حصول لهذه المقاصد إلا بدرية تفسيره وأعلامه</p>	<p><i>Maqasid</i> umum al-Quran</p> <p>Matlamat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengajaran (<i>al-maw'izah</i>) 2. Kisah dalam al-Quran. 3. Tamsilan (<i>al-amthal</i>) 4. Tauhid.
3	Abu Bakr Ibn al-'Arabi (w. 543H/1137M)	<p>أن علومه على ثلاثة أقسام: توحيد، وتدكير، وأحكام</p>	<p><i>Maqasid</i> umum al-Quran</p> <p>Matlamat perbahasan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tauhid. 2. Peringatan. 3. Hukum-hakam.

Istilah: *aqsam*

bersambung ...

... sambungan

4	Fakhr al-Din al-Razi (w. 606H/ 1209M)	<p>المقصود من كل القرآن تقرير أمور أربعة: الإلهيات، والمعد، والنبوات، وإثبات القضاء والقدر الله تعالى</p>	Maqasid al-suwar (Surah al-Fatiyah)
5	Al-'Izz bin 'Abd al-Salam (w. 660H/ 1261M)	<p>ومعظم مقاصد القرآن الأمر باكتساب المصالح وأسبابها، والزجر عن اكتساب المفاسد وأسبابها</p>	Matlamat perbahasan: 1. keTuhanan (<i>al- Ilahiyyat</i>). 2. Hari Akhirat (<i>al- akhirah</i>). 3. Kenabian (<i>al- nubuwwat</i>) 4. Ketetapan takdir (<i>ithbat al-qada 'wa al- qadar</i>)
6	Nasir al-Din al- Baydawī (w.685H/ 1286M)	<p>فإن مقاصده ممحضورة في بيان العقائد والأحكام والقصص ومن عدلها بكله اعتبر المقصود بالذات من ذلك.</p>	Maqasid umum al-Quran Matlamat Perbahasan: 1. <i>Ma'lali</i> . 2. <i>Mafasadah</i> .
7	Abu al-Qasim Muhammad bin Ahmad Ibn Jazi(w.741H/ 1340M)	<p>في المعاني والطعوم التي تضمنها القرآن ولننكلم في ذلك على الجملة والتفصيل. أما الجملة، فاعلم أن المقصود بالقرآن دعوة الخلق إلى عبادة الله وإلى الدخول في دينه، ثم إن هذا المقصود يقتضي أمرين، لا بد منها، وإليهما ترجع معانى القرآن كله: أحدهما بيان العبادة التي دعي الخلق إليها، والأخرى ذكر بواعث تعنتهم على الدخول فيها وترددهم إليها، فاما العبادة فتقسم إلى نوعين، وهما أصول العقائد وأحكام الأعمال. وأما البواعث</p> <p style="text-align: right;">عليها فما يأمران، وهما الترغيب والترهيب.</p> <p style="text-align: right;">وأما على التفصيل فاعلم أن معانى القرآن سبعة: هي علم الربوبيّة، والنبوة، والمعد، والأحكام، والوعد، والوعيد والقصص</p>	Maqasid al-suwar (Surah al-Ikhlas) Matlamat Perbahasan: 1. Akidah. 2. Hukum-hakam. 3. Kisah.
8	Abu Ishak al- Shatibi (w.790H/ 1388M)	<p>الكتاب قد تقرر أنه كلية الشرعية، وعمدة الملة، وبنبأ الحكمة، وآية الرسالة²⁰.</p> <p>.. مقرر لثلاثة معانٍ، أصلها معنى واحد وهو الدعاء إلى عبادة الله تعالى، وهذه المعانٍ هي تقرير الوحدانية الله، وتقرير النبوة للنبي محمد، وإثبات أمربعث والدار الآخرة، فهذه المعانٍ الثلاثة هي التي اشتمل عليها المنزل من القرآن بمكة في عامة الأمر</p>	Maqasid umum al-Quran Matlamat perbahasan: Maqasid al-syari 'ah Maqasid al-suwar (Surah al-Mu'minun atau surah <i>Makiyyah</i>) Matlamat perbahasan: 1. Keesaan Allah. 2. Kenabian Nabi Muhammad SAW. 3. Hari Akhirat. Istilah: <i>Ma 'ani al-Qur 'an</i>
9	Badr al-Din al- Zarkashi (w.794H/ 1392M)	<p>القصد من إنزال القرآن تعليم الحلال والحرام وتعريف شرائع الإسلام وقواعد الإيمان</p>	Maqasid umum al-Quran Matlamat perbahasan: 1. Halal haram. 2. Shari'at Islam. 3. Asas Iman.

bersambung ...

... sambungan

10	Nizam al-Din al-Hasan bin Muhammad al-Nisaburi (w.850H/ 1446M)	<p>انه سيحانه جعل مدار هذا الكتاب الكريم على تقرير التوحيد والنبوة والمعاد واثبات القضاء والقدر وانه بالغ في تقرير هذه الأصول وانتهى الكلام إلى شرح أحوال السعداء والأشقياء، ثم انتقل منه إلى تهجين طريقة منافري البعث والقيمة، ثم أتبعه حكاية أقوالهم البريئة تتبعها على ضعف عقولهم، فلما تتم هذه المقاصد عاد إلى ما هو المقصود الأصلي وهو إقامة الدلائل على إثبات ذاته ووجوب توحيده</p>	<p><i>Maqasid umum al-Quran</i></p> <p>Matlamat Asal: Tauhid</p> <p>Matlamat Cabang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kenabian. 2. Hari Akhirat. 3. Qada' dan qadar.
11	Burhan al-Din Abi al-Hasan Ibrahim bin 'Umar al-Biqa'i (w. 885H/ 1480M)	<p>كل سورة لها مقصد واحد يدار عليه أولها وأخرها، ويستدل عليه فيها.</p>	<p><i>Maqasid al-suwar</i> (Setiap surah dalam al- Quran)</p> <p>Matlamat perbahasan: Setiap surah mempunyai matlamat perbahasan masing-masing.</p>
12	Jalal al-Din al-Suyuti (w.911H/ 1505M)	<p>جمعت مقاصد القرآن... وعلى تعليل يرجع العلوم التي احتوى عليها القرآن وكانت بها الأديان إلى أربعة: علم الأصول ومداره على معرفة الله وصفاته ومعرفة النبوتات ومعرفة المعاد، وعلم العبادات وعلم السلوك وعلم القصص، وأنها جمعياً مشار إليها في سورة الفاتحة</p>	<p><i>Maqasid al-suwar</i> (Surah al-Fatiyah)</p> <p>Matlamat perbahasan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ilmu usul (mengenal Allah dan Sifat-Nya). 2. Kenabian. 3. Hari Akhirat. 4. Ibadat, 'ilm al-suluk dan kisah dalam al- Quran.
13	Shihab al-Din al-Alusi (w.1270H/ 1792M)	<p>مقاصد القرآن العظيم لا تتحصر في الأمر والنهي المذكورين بل هو مشتمل على مقاصد أخرى كأحوال المبدأ والمعاد ومن هنا قيل لعل الأقرب أن يقال إن مقاصد القرآن التوحيد والأحكام الشرعية وأحوال المعاد.</p>	<p><i>Maqasid umum al-Quran</i></p> <p>Matlamat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tauhid. 2. Hukum-hakam. 3. Hal ehwal Akhirat.

Berdasarkan jadual di atas, terdapat beberapa kesimpulan yang dapat diambil. Antaranya ialah:

1. Imam al-Ghazali (w.505H/ 1111M) merupakan orang yang pertama menggunakan istilah *maqasid al-Quran* dan mengemukakannya sebagai suatu pendekatan memahami ayat dan surah al-Quran secara keseluruhan.
2. Selain istilah *maqasid al-Quran*, terdapat istilah lain seumpamanya yang digunakan seperti istilah *aqsam al-Qur'an* dan *ma'ani al-Qur'an*.
3. Matlamat umum al-Quran (*al-maqasid al-'ammah li al-Qur'an*) yang dikemukakan oleh para ulama' berkenaan tidak jauh berbeza antara satu sama lain dan masih dalam ruang lingkup pembahagian yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali.
4. Adapun matlamat umum al-Quran yang dikemukakan oleh Al-'Izz bin 'Abd al-Salam (w. 660H/ 1261M) dan Abu Ishak al-Shatibi (w.790H/ 1388M) yang berlandaskan *maqasid al-syar'iyyah*, ia berkait dengan satu perenam daripada *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali iaitu berhubung penshari'atan dan hukum-hakam.

5. Adapun matlamat asal iaitu mentauhidkan Allah SWT yang dinyatakan oleh Nizam al-Din al-Hasan bin Muhammad al-Nisaburi (w.850H/ 1446M) adalah bertepatan dengan matlamat termurni yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali iaitu seruan manusia untuk kembali kepada Allah SWT (Jawahir : 51).
6. Adapun *maqasid al-suwar* yang merujuk kepada matlamat umum al-Quran seperti yang dikemukakan oleh Fakhr al-Din al-Razi (w. 606H/ 1209M) dan Jalal al-Din al-Suyuti (w.911H/ 1505M) adalah bertepatan dengan perbahasan sumber pendalilan pembahagian ayat dan surah al-Quran kepada sepuluh bahagian (*al-aqsam al-'asharah*) yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali iaitu surah *al-Fatiyah* dan hanya lapan bahagian sahaja yang terkandung surah tersebut. Manakala *maqasid al-suwar* yang merujuk kepada matlamat umum al-Quran yang dikemukakan oleh Nasir al-Din al-Baydawi (w.685H/ 1286M) pula selaras dengan sumber pendalilan pembahagian *maqasid al-Qur'an* kepada bahagian asas utama (*usul al-muhimmah*) iaitu surah *al-*

Ikhlas. Seterusnya *maqasid al-suwar* yang merujuk kepada matlamat umum al-Quran yang dikemukakan oleh Abu Ishak al-Shatibi (w.790H/ 1388M) ketika membahaskan surah *al-Mu'minun* iaitu berkaitan surah *Makiyyah* adalah sama dengan pembahagian asas utama (*usul al-muhimmah*) oleh Imam al- Ghazali iaitu berkaitan akidah, akhirat dan jalan yang lurus.

7. Adapun *maqasid al-suwar* yang merujuk kepada *maqasid* khusus setiap surah al-Quran yang dikemukakan oleh Burhan al-Din Abi al-Hasan Ibrahim bin ‘Umar al-Biqa’i (w. 885H/ 1480M) pula bukan dalam lingkungan perbahasan *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh Imam al- Ghazali. Pendekatan tersebut dikhawatir tidak dapat mewakili *maqasid al-Qur'an* secara keseluruhan dan tidak pula dapat menempatkannya pada kedudukannya yang

benar. Ini dapat dilihat kepada pembahagian *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh beliau yang tidak konsisten dan sering berubah. (Tazul Islam Pendekatan yang dikemukakan oleh Burhan al-Din Abi al-Hasan Ibrahim bin ‘Umar al-Biqa’i (w. 885H/ 1480M) ini dijadikan landasan oleh ilmuan Islam masa kini dalam mengetengahkan pendekatan tafsir yang dinamakan *tafsir al-maqasidi*.

ANALISIS PENGGUNAAN ISTILAH MAQSID AL-QURAN FASA KEDUA (ABAD KE-19 HINGGA KINI)

Berikut dikemukakan pula jadual berhubung kenyataan tokoh berkaitan penggunaan istilah *maqasid al-Qur'an* atau istilah seumpamanya dan pembahagiannya bermula abad ke-19 hingga kini.

JADUAL 2. Pembahagian *maqasid al-Qur'an* menurut para ulama' bermula abad ke-19 hingga abad kini

No.	Nama Tokoh	Nukilan Kenyataan Penggunaan Istilah <i>maqasid al-Qur'an</i> dan Istilah yang Seumpamanya	Pembahagian <i>Maqasid al-Qur'an</i> dan Matlamatnya
1.	Muhammad 'Abduh (w. 1905)	أن ما نزل القرآن لأجله التوحيد، والوعد، والوعيد للأمة والأفراد في الدنيا والآخرة، وبيان سبيل السعادة في الدنيا والآخرة، وبيان قصص من وقف عند حدود الله ومن نبذ أحكامه للاعتبار بها، وأن هذه هي الأمور التي احتوى عليها القرآن، والفاتحة مشتملة عليها إجمالاً (Muhammad Rasyid Reda 1990:30)	<i>Maqasid al-suwar</i> (Surah <i>al-Fatiyah</i>) Matlamat perbahasan: 1. Tauhid. 2. <i>Al-wa'd</i> . 3. <i>Al-wa'id</i> . 4. Ibadat. 5. Jalan kebahagiaan. 6. Kisah dalam al-Quran. 7. Batasan dan Hukum-hakam.
2	Muhammad Rashid Rid'a (w. 1935)	عشرة مقاصد قرآنية تهدف إلى إصلاح أفراد البشر وجماعاتهم وأقوامهم وإدخالهم في طور الرشد وتحقيق أخوتهم الإنسانية ووحدتهم وترقيتهم عقولهم وتزكية أنفسهم. وهي: (1) الإصلاح الديني لأركان الدين الثلاثة الأساسية التي بعث أجمعـيـنـ الرسـلـ (الإيمـانـ بالـالـهـ،ـ تـعـالـىـ،ـ وـعـقـيدةـ الـبعثـ وـالـجـزاـءـ،ـ وـالـعـمـلـ وـوـظـافـ الرـسـلـ). (2) بيان ما جهل البشر من أمر النبوة والرسالة والفكـرـ،ـ وـالـعـلـمـ وـالـحـكـمـ،ـ وـالـبـرـهـانـ وـالـحـجـةـ،ـ وـالـضـمـيرـ وـالـوـجـدـانـ،ـ وـالـحـرـيـةـ وـالـاسـتـقـالـلـ. (3) بيان أن الإسلام دين الفطرة السليمة، والعقل والدين. (4) الإصلاح الاجتماعي الإنساني والسياسي الذي يتحقق بالوحدات الثمان (وحدة الأمة - وحدة الجنس البشري - وحدة الدين - وحدة التشرـيـعـ بـالـمـسـاـواـةـ فيـ العـدـلـ - وـحدـةـ الـأـخـوـةـ الـرـوـحـيـةـ وـالـمـساـواـةـ فيـ التـعـدـ - وـحدـةـ الـجـنسـيـةـ السـيـاسـيـةـ الدـولـيـةـ - وـحدـةـ الـقـضـاءـ - وـحدـةـ الـلـغـةـ). (5) تقرير مزايا الإسلام العامة في التكاليف الشخصية من العبادات والمحظيات. (6) بيان حكم الإسلام السياسي الدولي، الإسلام دين هداية وسياسة وحكم. (7) الإرشاد إلى الإصلاح المالي. (8) إصلاح نظام الحرب ودفع مفاسدها وقصرها على ما فيه الخير للبشر. (9) إعطاء النساء جميع الحقوق الإنسانية والدينية والمدنية. (10) فقه القرآن تحرير الرقيقة	<i>Maqasid umum al-Quran</i> 1. <i>Islah agama</i> . 2. Kenabian. 3. Islam agama fitrah. 4. <i>Islah ummah</i> . 5. Ibadat. 6. Undang-undang Islam antarabangsa. 7. <i>Islah harta</i> . 8. <i>Islah polisi peperangan</i> . 9. Hak wanita. 10. Pembebasan hamba.

bersambung ...

... *sambungan*

3	Muhammad Iqbal (w. 1938)	<i>The main purpose of the Quran is to awaken in man the higher consciousness of his manifold relations with God and the universe</i> (Muhammad Iqbal 1996:7)	<i>Maqasid umum al-Quran</i>
4	Badi'u al-Zaman Sa'id al-Nursi (w.1960)	أن المقاصد الأساسية من القرآن وعناصره الأصلية أربعة: التوحيد والنبوة والحشر والعدالة ، و“نتراءٍ هذه المقاصد الأربع في كلّه، وكذلك قد تتجلى في سورة سورة (Badiu al-zaman 2002: 23)	Matlamat: 1. Hubungan dengan Allah SWT. 2. Hubungan dengan alam.
5	Mahmud Shaltut (w.1963)	مقاصد القرآن تدور حول نواحٍ ثلاثة: ناحية العقيدة، وناحية الأخلاق، وناحية الأحكام. (Mahmud 1983:5-6)	<i>Maqasid umum al-Quran</i>
6	Muhammad al- Ūāhir Ibn ‘Óshūr (w. 1973)	فكان المقصد الأعلى منه صلاح الأحوال الفردية، والجماعية، والمعارنية. فالصلاح الفردي يعتمد ذيب النفس وتزكيتها، فيدخل فيه الاعتقاد والعبادات والأخلاق، وأما الصلاح الجماعي فيضبط تصرف الناس (المعاملات)، وأما الصلاح العبراني فهو حفظ نظام العالم الإسلامي، وضبط تصرف الجماعات والأقاليم. 37 ثانية أمر: إصلاح الاعتقاد وتعليم العقد الصحيح، وذيب الأخلاق، والشريعة وهو الأحكام خاصة وعامة، وسياسة الأمة وهو باب عظيم في القرآن القصد منه صلاح الأمة وحفظ نظامها، والقصص وأخبار الأمم السالفة للتأنسي بصالح أحوالهم، والتعليم بما يناسب حالة عصر المحاطين، و المعاوظ والإذار والتحذير والتبيير، والإعجاز بالقرآن ليكون آية دالة على صدق الرسول. (Muhammad 1984:83)	Matlamat: 1. Akidah. 2. Akhlak. 3. Hukum-hakam.
7	Muhammad Husayn al-Dhahabi (w.1977)	الغرض من إنزال القرآن الكريم أمران: الأمر الأول: أن يكون معجزة لنبينا محمد... الأمر الثاني: أن يكون دستوراً لأمة إسلامية (Muhammad Husayn 1986:39)	<i>Maqasid umum al-Quran</i> Matlamat: 1. Mu'jizat kenabian. 2. Perlembagaan umat Islam. Istilah: <i>al-Gharai</i>
8	Fazlur Rahman (w. 1998M)	<i>Major themes of the Qur'an: God, man as individual, man in society, nature, Prophethood and Revelation, eschatology, Satan and evil, emergence of the Muslim community.</i> (Fazlur 1980:iii)	<i>Maqasid umum al-Quran</i> Matlamat: 1. Allah SWT. 2. Insan secara individu. 3. Alam tabi'i. 4. Kenabian dan wahyu. 5. Hari Akhirat. 6. Syaitan dan kejahatan. 7. Kebangkitan umat Islam. Istilah: <i>Themes</i>

bersambung ...

... sambungan

<p>9 Muhammad al-Ghazali (w. 1996)</p>	<p>”الموضوعات التي خاض فيها القرآن، وبسط على الناس أطراها وأجمل هذه المحاور في التوحيد، وال الحديث عن الكون الدال على الخالق، والقصد القرآنـي الذي يرى أنه أوسع المحاور القرآنية، والبعث والجزاء، والتربية والتشريع.” (Al-Ghazali 2000:11)</p>	<p>”الموضوعات التي خاض فيها القرآن، وبسط على الناس أطراها وأجمل هذه المحاور في التوحيد، وال الحديث عن الكون الدال على الخالق، والقصد القرآنـي الذي يرى أنه أوسع المحاور القرآنية، والبعث والجزاء، والتربية والتشريع.” (Al-Ghazali 2000:11)</p>	<p><i>Maqasid umum al-Quran</i> Matlamat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tauhid. 2. Alam. 3. Kisah dalam al-Quran. 4. Hari Akhirat. 5. Pendidikan dan penshari'atan. <p>Istilah: <i>al-Musawir</i></p>
<p>10 Yusuf al-Qaradawi (1926)</p>	<p>تصحيح العقائد والتصورات، وتثريم الإنسان ورعاية حقوقه، والأمر بعبادة الله ونحوه، وتنزكية النفس البشرية، وتكوين الأسرة وإنصاف المرأة، وبناء الأمة الشهيدة على البشرية، والدعوة إلى عالم إنساني متعاون.</p>	<p>تصحيح العقائد والتصورات، وتثريم الإنسان ورعاية حقوقه، والأمر بعبادة الله ونحوه، وتنزكية النفس البشرية، وتكوين الأسرة وإنصاف المرأة، وبناء الأمة الشهيدة على البشرية، والدعوة إلى عالم إنساني متعاون.</p>	<p><i>Matlamat umum al-Quran</i> Matlamat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Akidah. 2. Keinsanan. 3. Ibadat. 4. Pembersihan jiwa. 5. Kekeluargaan. 6. Pembinaan ummah. 7. Semangat kemanusiaan.

Berdasarkan jadual di atas, perbandingan antara pembahagian *maqasid* umum al-Quran dan *maqasid al-suwar* yang dikemukakan oleh para ulama' tersebut juga dibandingkan dengan pendekatan *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali sebelum ini. Berikut adalah beberapa kesimpulan yang diperolehi antaranya:

1. Terdapat penggunaan istilah baru yang dikemukakan yang merujuk makna *maqasid umum al-Quran* (*maqasid al-'ammah li al-Qur'an*) iaitu *al-gharaib themes* dan juga *al-musawir*. Berdasarkan istilah tersebut, terdapat kecenderungan pengkaji al-Quran masa kini yang cuba menghubungkan *maqasid al-Qur'an* dengan pendekatan tafsir yang dinamakan tafsir tematik (*tafsir al-mawdu'i*).
2. Secara umumnya, *maqasid* umum al-Quran yang asas iaitu akidah, hari Akhirat dan akhlak masih menjadi dasar *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh para ulama di atas.
3. Adapun pembahagian *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh Mu'lammad Rashid Rid'a (w. 1935) agak jelas dipengaruhi oleh gagasan pembaharuan pemikiran dan juga gerakan *islah* yang digagaskan oleh gurunya iaitu Mu'lammad Abduh (w. 1905). Ini dapat dilihat daripada penggunaan kalimah *islah* dan juga isu berkaitan hak wanita. Namun, isu berkaitan pembebasan hamba (*tahrir al-raqabah*) bukanlah mewakili satu *maqasid umum al-Quran*.
4. Adapun tema Syaitan dan kejahanan (*Satan and evil*) yang dikemukakan oleh Fazlur Rahman (w.1998M) kemungkinan besar sebagai lanjutan

kepada perbahasan kejahanan (*al-sharr*) dan kebaikan (*al-khayr*) yang dikemukakan oleh Toshihoko Izutsu (1914-1993) yang menulis buku “*The Structure of the Ethical Terms in the Koran*”, yang kemudian ditulis semula sebagai “*Ethico- Religious Concepts in the Koran*.” (Fazlur Rahman 1980:vii). Adapun tema kebangkitan umat Islam (*emergence of the Muslim community*) pula oleh Fazlur Rahman kemungkinan besar sebagai respon terhadap kenyataan Snouck Hurgronje (1857-1936) berhubung sejarah kebangkitan Islam di Madinah pada zaman Rasulullah SAW. (Fazlur Rahman 1980:90) Pendekatan tersebut adalah selari dengan pendekatan tafsir yang dinamakan sebagai tafsir tematik (*tafsir al-mawdu'i*) yang membahaskan sesuatu tema dalam al- Quran berdasarkan kalimah atau sesuatu isu yang ingin diketengahkan. Pembahasan ini hanya menyentuh *maqasid al-Quran* tertentu secara tidak langsung.

5. Adapun matlamat tertinggi (*al-maqsid al-a'la*) yang dikemukakan oleh Mu'lammad al-Ùahir Ibn 'Óshûr (w. 1973) iaitu berhubung pemberian diri, pemberian masyarakat dan undang-undang alam Islami pula boleh dikaitkan dengan matlamat penshari'atan (*maqasid al-shari'ah*) sebagai sebahagian daripada pendefinisian *maqasid al-Qur'an* sebelum ini dan juga pengenalan penshari'atan serta hukum-hakam dalam pembahagian *maqasid al-Qur'an* oleh Imam al-Ghazali. Adapun prinsip yang lapan (*thamaniyah umur*) yang dikemukakan oleh Mu'lammad

al-Ùâhir Ibn ‘Óshûr (w. 1973) pula boleh dibuat perbandingan dengan pembahagian ayat dan surah al-Quran yang sepuluh (*al-aqsam al-asharah*) yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali.

6. Pembahagian *maqasid* umum al-Quran yang bercorak kemasyarakatan (*al-ijtima'i*) dan juga *islah* pendidikan yang banyak mewarnai pembahagian *maqasid* umum al-Quran oleh para ulama' terkemudian seperti Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Rid'a menunjukkan suatu pertembungan pemikiran umat Islam dengan pemikiran Barat yang mulai meresap masuk dalam sistem pendidikan

dan cara hidup umat Islam. Keadaan tersebut masih berterusan sehingga ke hari ini.

ANALISIS PEMBAHAGIAN *MAQASID AL-QURAN* OLEH IMAM AL-GHAZALI DENGAN ULAMA' SELEPASNYA

Berdasarkan pembahagian *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali sebelum ini, berikut adalah jadual perbandingan pembahagian *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dengan pembahagian *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh para ulama' selepasnya (dalam kolumn ke-4).

JADUAL 3. Jadual perbandingan *maqasid al-Qur'an al-sittah* dengan *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh para ulama' selepas Imâm al-Ghazali.

Bahagian Maqasid <i>Al-Qur'an</i>	<i>Maqasid Al-Qur'an Al-Sittah</i>	<i>Al-Aqsam Al-'Asharah</i>	Pembahagian Maqasid <i>Al-Qur'an</i>
Bahagian Asas Utama (<i>al-usul al-muhimmah</i>)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan kepada Allah (<i>ta'rif al-mad'u ilayh</i>) 2. Perihal Jalan Lurus (<i>takrif sirat al-mustaqim</i>) 3. Pengenalan tempat kembali (<i>takrif al-Íál Ñinda al-wusul ilayh</i>) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perihal Zat Allah SWT (<i>dhikr al-Dhat</i>) 2. Perihal Sifat Allah SWT (<i>dhikr al-Sifat</i>) 3. Perihal Perbuatan Allah SWT (<i>dhikr al-Af'al</i>) 4. Perihal Pembersihan jiwa (<i>dhikr al-tazkiyyah</i>) 5. Perihal penghiasan hati (<i>dhikr al-tahliyyah</i>) 6. Perihal tempat kembali (<i>dhikr al-ma'ad</i>) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Akidah 2. Tauhid 3. Kenabian 4. keTuhanan 5. ketetapan takdir 6. rububiyyah 7. Asas Iman 8. Ilmu usul 9. Hubungan dengan Allah 10. Hubungan dengan alam 11. <i>I'jaz al-Quran</i> 12. Mukjizat kenabian 13. Alam Tabi'i 14. Ibadat 15. Ilm al-suluk 16. Jalan kebahagian 17. <i>Islah</i> agama 18. Islam agama fitrah 19. Pembentukan individu 20. Pendidikan 21. Syaitan dan kejahatan 22. Pembersihan jiwa 23. Keinsanan 24. Hari Akhirat 25. <i>Al-wa'd</i> 26. <i>Al-wa'id</i>

bersambung ...

... sambungan

Bahagian Pelengkap Penyempurnaan (al-muÑinah al-mutimmah)	4. Pengenalan Golongan dikasihi dan golongan menyimpang (<i>ta'rif ahwal al-muhibbin wa al-nakibin</i>) 5. Perihal Perkataan golongan kafir (<i>Hikayah aqwāl al-jahidin</i>) 6. Pengenalan Penshari'atan dan hukum-hakam (<i>takrif imarah manazil al-Tariq wa kayfīyyah akhz al-zad</i>)	7. Perihal HalEhwal Para Awliya' (<i>dhikr ahwal al-awliya'</i>) 8. Perihal Hal Ehwal Musuh (<i>dhikr alwāl al- aNdā'</i>) 9. Perihal Penghujahan Terhadap golongan kafir (<i>dhikr muIajjah al-kuffar</i>) 10. Perihal batasan Hukum-hakam (<i>dhikr Hudud al-ahkām</i>)	27. Pengajaran (<i>al- maw'izah</i>) 28. Kisah dalam al- Quran 29. Khabar gembira 30. Peringatan 31. Hukum-hakam 32. Masalah mafsadah 33. Halal haram 33. <i>Islah ummah</i> 34. Undang-undang Islam 35. Antarabangsa 36. <i>Islah harta</i> 37. Polisi peperangan 38. Hal wanita 39. Keadilan 40. Pembaikan masyarakat 41. Perlembagaan Umat Islam 42. Kebangkitan umat Islam 43. Kekeluargaan 44. Semangat kemanusiaan 45. Pembinaan Ummah
---	--	--	---

Berdasarkan jadual di atas, beberapa kesimpulan dapat diambil antaranya ialah:

1. *Maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali merangkumi semua pembahagian dan perbahasan *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh para ulama' selepasnya hingga ke hari ini.
2. Tiada seorang ulama' selepas Imam al-Ghazali pun yang menyentuh perihal kehujahan terhadap golongan kafir sebagai salah satu daripada *maqasid* utama al-Quran sedangkan terdapat banyak ayat al-Quran berhubung penolakan golongan tersebut terhadap konsep keTuhanan (*Ilahiyyat*), kenabian (*al-nubuwat*) dan juga hari kebangkitan (*al-ba'th*) dan golongan tersebut masih ada hingga ke hari ini.
3. Pembahagian berhubung penshari'atan dan hukum-hakam merupakan matlamat *maqasid al-Quran* yang paling banyak diperkatakan. Ini dapat difahami oleh faktor yang mempengaruhinya iaitu perkembangan zaman dan permasalahan baru yang menyebabkan ulama' berkenaan mengemukakan matlamat al-Quran berkaitan isu berkenaan sebagai matlamat utama al-Quran. Namun jelas bahawa penumpuan kepada matlamat al-Quran berhubung penshari'atan tanpa melihat matlamat al-Quran yang lain menyebabkan penyelesaian yang dicapai adalah bersifat *juz'i* dan tidak menyeluruh. Tambahan pula, matlamat al-Quran berhubung penshari'atan hanya satu perenam daripada *maqasid al-Qur'an al-sittah* dan satu per sepuluh daripada

pembahagian ayat al-Quran yang sepuluh (*al-aqsam al-asharah*).

4. *Maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali merupakan suatu "pemetaan" *maqasid al-Qur'an* secara menyeluruh dan menempatkan setiap *maqasid* yang dikemukakan pada tempat yang benar sama ada bersifat asas atau penyempurnaan, bersifat perseorangan ataupun kolektif, bersifat tetap (*al-thawabit*) atau fleksibel (*al-mutaghayyirat*).

Berdasarkan analisis perbandingan pembahagian *maqasid al-Qur'an* yang dikemukakan oleh setiap tokoh ilmuwan Islam yang dinyatakan oleh penulis bermula abad ke-10 sehingga ke hari ini, maka dapat dilihat bahawa *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali hakikatnya adalah suatu peta besar yang menempatkan semua matlamat al-Quran (*maqasid al-Qur'an*) sama ada secara umum mahupun secara khusus, yang bersifat tetap (*al-thawabit*) atau bersifat fleksibel (*al-mutaghayyirat*), termasuk pembahagian ayat dan surahnya dalam satu kerangka yang saling berkaitan antara satu sama lain dan ditempatkan pada kedudukannya yang benar. Dengan adanya peta besar tersebut, maka *maqasid al-Quran* yang dikemukakan akan saling berkaitan antara satu sama lain dan akan ditempatkan pada kedudukannya yang benar. Dengan adanya pemetaan yang sempurna ini, ia sepatutnya dapat memandu perbahasan berkaitan dengan al-Quran agar mesej sebenar al-Quran tidak disempitkan atau dikhususkan hanya kepada isu

tertentu shaja. Dengan itu, penghayatan al-Quran dapat dilakukan dengan adil dan sempurna sesuai dengan sifat al-Quran sebagai panduan utama umat Islam sepanjang zaman.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, pendekatan *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali hakikatnya adalah satu faham al-Quran yang bersifat *kulli* dan merangkumi setiap perbahasan yang dikemukakan oleh para ulama' selepasnya. Pendekatan *maqasid al-Quran* berdasarkan *maqasid al-syariah*, *tafsir al-maqasidi* dan juga *tafsir al-mawdu'i* mungkin mampu menjawab persoalan atau permasalahan tertentu, namun disebabkan pendekatan tersebut bersifat *juz'i*, maka penyelesaian yang dicapai juga berbentuk penyelesaian bersifat *juz'i* dan hanya bertahan dalam tempoh yang sementara. Ini kerana setiap zaman akan ada sahaja persoalan serta permasalahan baru yang akan dihadapi oleh umat Islam. Namun jika umat Islam dapat memahami *maqasid al-Qur'an* secara *kulli*, yang merangkumi bahagian asas utama dan bahagian pelengkap penyempurnaan, elemen *maqasid al-Qur'an* yang bersifat tetap (*al-thawabit*) dan juga elemennya yang fleksibel (*al-mutaghayyirat*), maka umat Islam akan mampu menghadapi sebarang cabaran sama ada cabaran luar mahupun dalaman umat Islam, kerana dirinya dapat mengenal Empunya segala urusan dan kepada-Nya jualah dikembalikan segala urusan. Oleh itu, faham *maqasid al-Qur'an* Imam al-Ghazali patut dijadikan sebagai kerangka dasar kepada semua perbahasan *maqasid al-Quran*, *maqasid al-shari'ah*, *tafsir al-maqasidi* dan juga *tafsir al-mawdu'i*. Ia sepatutnya mengikat semua perbahasan berkenaan agar nanti sebarang kajian berkaitan mana-mana bidang tersebut akan lebih saling menyempurnakan kerana ia dipandu oleh satu kerangka yang sempurna dan tetap.

RUJUKAN

- Ahmad al-Raysuni.2021.*Juhūd al-Ummah fī al-Maqasid al-Qur'ān al-Karīm*. Atas talian <http://cutt.us/OBJoj> (Diakses pada 25 Ogos 2021).
- Abū Muhammād al-Husayn Ibn Mas'ūd al-Baghawī.2019. *Ma'ālim al-Tanzīl fī Tafsīr*

- al-Qur'ān*, diedit oleh 'Abd al-Razzāq al-Mahdī. Beirut: Dār Iḥyā' li al-Turāth al-'Arabī.
- Abū Bakr Ibn al-'Arabī.1986. *Qānūn al-Ta'wīl*, diedit oleh Muīammad al-Sulaymānī. Beirut: Muāssasah 'Ulūm al-Qur'ān.
- Abū al-Qāsim Muīammad bin Aīmad Ibn Jāzī. 1995. *al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Arqām
- Abū Isāk Ibrāhīm bin Mūsā al-Shātibī.1997. *al-Muwāfaqāt*, dīlāqīq oleh 'Ubaydah *Al-Bayan*, 2011, Bil. 9, h. 189–207
- Badr al-Dīn al-Zarkashī.1957. *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, dīlāqīq oleh Muīammad Abū al-Fad'l Ibrāhīm . Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Badi'u al-Zamān Said al-Nursī.2002. *Ishārāt al-IṄjāz fī mīzān al-Öjāz*, dīlāqīq oleh Iīsān Qāsim al-Öālihī. Mesir: Shārikah Suzlar li al-Nasr
- Burhān al-Dīn Abī al-Hasan Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'ī. 1957 *Maīāñid al-Nāðar li al-Isrāf 'alā Maqāsid al-Suwar*. Riyadh: Maktabah al-MaÑārif.
- Fakhr al-Dīn al-Razi. *Mafātīl al-Ghayb*.1999. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī
- Fazlur Rahman. 1980. *Major Themes of the Qur'an*. Minneapolis, MN: Bibliotheca Islamica
- al-Izz Ibn 'Abd al-Salām.1991. *Qawāñid al-Aīkām fī Maīāñi al-Anām*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyah al-Azharīyyah.
- Jalāl al-Dīn al-Suyū̄. T.th. *Asrār Tarīb al-Qur'ān*.Riyadh: Dār al-Fād'ilah li Nashr wa al-Tawzī
- Mastura, Nurul Ain, Nurhanisah & Rafeah Saidon.2021. Maqasid Shariah Hifz Mal dalam Aplikasi E-Wallet. *Jurnal Islamiyat* 43(1): 113-120
- Mashhūr bin Hasan Ól Salmān .Khobar: Dār Ibn 'Affān.
- Muhammad Rashīd Rid'ā. 1990. *Tafsīr al-Manār*.Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ommah li al-Kutub
- Muhammad Iqbal. 1996. *Reconstruction of Religious Thought in Islam*, ed. M. Saeed Sheikh. Lahore: Institute of Islamic Culture
- Mahmūd Shaltūt.1983. *Ilā al-Qur'ān al-Karīm*.Kaherah: Dār al-Shurūq
- Muhammad al-Úāhir Ibn 'Óshūr. 1984. *al-Taírīr wa al-Tanwīr*.Tunisia: al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr.
- Muhammad Husayn al-Dhahabī. 1986. *al-Wāly wa al-Qur'ān al-Karīm*. Cairo: Maktab Wahbah
- Muhammad al-Ghazālī. 2000. *al-Muīāwir al-Khamsah li al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Nāsir al-Dīn al-Baydawī. 1997. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, dīlāqīq oleh Muīammad 'Abd al-Raímān al-MurNāshālī. Beirut: Dār Iḥyā' li al-Turāth al-'Arabī.
- Nizām al-Dīn al-Hasan bin Muīammad al-Nisābūrī.1995. *Gharā'ib al-Qur'ān wa Ragħā'ib al-Furqān*, dīlāqīq oleh Zakariyya 'Umayrāt. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Siddig Ahmad. 2019. Quranic Guidelines for Personality Development and Collective Work. *Jurnal Islamiyat* 41(1):109-11
- Shihāb al-Dīn al-Alūsī. 1995. *Rū' al-MaÑānī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Tazul Islam. 2012.The Concept of Maqasid al-Qur'an: Its Genesis and Developments' dalam *The 2nd Annual International Qur'anic Conference*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, 2012.

PENGARANG

Siddig Bin Ahmad
Raja Zarith Sofiah,
Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (RZS-CASIS),
Universiti Teknologi Malaysia,
Kuala Lumpur.
ibadurrahman6818@gmail.com

Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi Bin Wan Abdullah
Raja Zarith Sofiah,
Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (RZS-CASIS),
Universiti Teknologi Malaysia,
Kuala Lumpur.
wansuhaimiwanabdullah@gmail.com